



HAD TAKLIF GOLONGAN AUTISME DARI SUDUT IBADAH

Secara umumnya, golongan autisme tahap satu termasuk dalam golongan mukalaf kecuali dalam situasi tertentu, mereka dikategorikan sebagai bukan mukalaf kerana tindakan mereka yang menyebabkan mereka hilang kelayakan untuk menjadi mukalaf. Manakala golongan autisme tahap dua dan tiga termasuk dalam golongan bukan mukalaf yang terangkat daripada mereka sebarang bentuk pentaklifen.



Diterbitkan oleh:
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown, Pulau Pinang
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985
E-mel: mufti@penang.gov.my
Laman Web: <http://mufti.penang.gov.my>



HAD TAKLIF GOLONGAN AUTISME DARI SUDUT IBADAH

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG



Catatan

HAD TAKLIF GOLONGAN AUTISME DARI SUDUT IBADAH

Cetakan Pertama 2024

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang

Konsep, Reka Bentuk & Dicetak Oleh :

MUNA MULTI PURPOSE CONCEPT ENTERPRISE

No 1-13 (Tingkat 1) Kompleks Kepala Batas,
13200 Kepala Batas SPU,
Pulau Pinang.

NASKHAH PERCUMA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia


Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-22348-7-6

**HAD TAKLIF
GOLONGAN
AUTISME
DARI SUDUT IBADAH**

Telah diperakukan oleh
MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG
Bil.6/2023 pada 29-30 November 2023

Catatan



Kandungan

KATA PENGANTAR	1
TUJUAN	2
LATAR BELAKANG	2
OBJEKTIF	2
TAKRIF	3
AUTISME	4
Definisi	4
Faktor Penyebab	4
Jenis-jenis	6
HAD MUKALAF	12
Definisi	12
Syarat Taklif	12
Had Penentuan Taklif	13
<i>Al-Ahliyyah</i>	14
Jenis-jenis <i>al-Ahliyyah</i>	14
<i>Awaridh al-Ahliyyah</i> (Halangan Kelayakan)	16
KAEDAH PENENTUAN TAMYIZ	17
<i>Al-'Atah</i>	18
Kategori <i>al- Ma'tuh</i>	19
Perbezaan di Antara <i>al-Ma'tuh</i> dan Orang Gila	20
PENKATEGORIAN DAN PENTAKLIFAN	21
KEBERTANGGUNGJAWABAN GOLONGAN AUTISME	24
KEPUTUSAN MESYUARAT FATWA	25
PENUTUP	26
CATATAN	27-29

Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HAD TAKLIF GOLONGAN AUTISME DARI SUDUT IBADAH

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah ﷻ atas perkenan dan izin-Nya buku *Had Taklif Golongan Autisme Dari Sudut Ibadah* ini dapat diterbitkan untuk bacaan masyarakat.

Umum mengetahui bahawa autisme salah satu bentuk gangguan mental yang bermula peringkat kanak-kanak sehingga dewasa dan menyebabkan seseorang berkelakuan tidak normal serta menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi masyarakat. Isu autisme ini perlu difahami dengan sebaiknya terutama soal-soal hukum syarak dan fiqh yang tersendiri menurut perspektif Islam. Hal ini demikian kerana, setiap Muslim ditaklifkan untuk melaksanakan ibadah dengan mengambil kira fizikal dan mental seseorang individu.

Sehubungan itu, para fuqaha dan pakar perubatan mengkategorikan golongan autisme berdasarkan tiga (3) tahap iaitu: Tahap 1 (memerlukan sokongan), Tahap 2 (memerlukan sokongan yang besar) dan Tahap 3 (memerlukan sokongan yang sangat besar). Manakala pengkelasan pentaklifan golongan autisme ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu: mukalaf (Tahap 1) dan tidak mukalaf (Tahap 2 dan 3).

Buku Had Taklif Golongan Autisme Dari Sudut Ibadah ini merupakan susunan semula dan penambahbaikan daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh para penyelidik yang telah dilantik oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dari Universiti Utara Malaysia. Kajian asal bertajuk “Had Taklif Penghidap Autisme dan Kesannya Terhadap Hukum Tingkah Laku Seksual”.

Buku ini menyenaraikan beberapa isu berkaitan autisme dari sudut fiqh serta memberikan ringkasan panduan hukum kepada masyarakat khususnya keluarga, penjaga dan profesional yang mempunyai anak autisme.

Setinggi tahniah dan terima kasih kepada para penyelidik dan urus setia yang telah menjayakan penerbitan buku ini. Semoga buku panduan ini menjadi pemudahcara dalam menangani segala perkaitan dalam kalangan autisme.

Sekian.

Prof. Madya Dato’ Dr. Mohd Sukki bin Othman
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penutup

Hukum golongan autisme (tahap satu) adalah dalam kategori mukalaf kecuali:

1. Golongan autisme tidak mampu memahami dan melaksanakan amalan agama disebabkan oleh gangguan akal yang berlaku pada ketika tertentu dan tidak kekal.
2. Golongan autisme boleh terangkat pentaklifannya dalam perkahwinan sekiranya dia tidak dapat memahami tentang tujuan, hak, tanggungjawab dan peranan sebagai suami atau isteri dalam perkahwinan.

Hukum golongan autisme tahap dua dan tahap tiga adalah dalam kategori tidak mukalaf. Ini adalah kerana:

1. Tahap IQ yang rendah.
2. Tidak dapat mengawal emosi dan tindakan (*hyper agresive*).
3. Tidak mampu memahami pemberitahuan hukum syarak yang berupa suruhan dan larangan.
4. Tidak mampu melaksanakan amalan dan tindakan seperti yang disuruh atau dilarang oleh syarak.

Pihak wali bertanggungjawab untuk mengawal, mendidik, merawat dan memastikan golongan autisme tahap dua dan tiga agar tidak melakukan kesalahan yang dilarang oleh syarak.

KEPUTUSAN MESYUARAT FATWA

Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

Mesyuarat bersetuju menerima hasil kajian Had Taklif Golongan Autisme Dan Kesannya Terhadap Hukum Tingkah Laku Seksual dan memutuskan seperti berikut:

1. Golongan autisme dalam kategori mukalaf.

Golongan autisme dalam kategori ini merupakan individu yang kehidupannya seperti manusia normal yang lain. Mereka perlu melaksanakan semua perkara yang ditaklifkan sebagai seorang Muslim. Namun, jika terdapat perubahan penyakit autisme yang ketara setelah mendapat pengesahan daripada pakar perubatan maka terangkat taklif daripada mereka. Perubahan taklif itu dikira terangkat apabila berlaku dua keadaan:

- i. Golongan autisme tidak boleh memahami *khitab* (arahan agama); dan
- ii. Golongan autisme tidak mampu melaksanakan amalan agama disebabkan oleh gangguan akal yang berlaku pada ketika tertentu dan tidak kekal.

Golongan ini boleh berkahwin dan melaksanakan tanggungjawab sebagai suami atau isteri, namun tanggungjawab ini terangkat apabila berlaku perubahan pada diri golongan autisme tersebut.

2. Golongan autisme dalam kategori tidak mukalaf.

Golongan autisme kategori ini mempunyai tahap IQ yang rendah, tidak dapat mengawal emosi dan bertindak di luar kawalan (*hyper agresive*) secara kekal. Maka terangkat pentaklifan daripada mereka kerana:

- i. Tidak mampu memahami pemberitahuan yang berupa suruhan dan larangan.
- ii. Tidak mampu melaksanakan amalan dan tindakan seperti yang disuruh atau dilarang.

Golongan ini boleh berkahwin melalui akad yang dilaksanakan oleh wali dan pelaksanaan tanggungjawab nafkah zahir sebagai suami atau isteri adalah di bawah tanggungjawab wali.

TUJUAN

Panduan ini disediakan bagi tujuan memberi kefahaman dan membantu masyarakat dalam menangani golongan autisme dari pelbagai situasi khususnya dalam sudut ibadah.

LATAR BELAKANG

1. Secara umumnya, autisme memberi kesan kepada tiga jenis komponen utama iaitu interaksi sosial, komunikasi lisan dan bukan lisan serta perbezaan dalam tingkah laku. Kanak-kanak autisme selalunya mengalami masalah dalam pertuturan, emosi, pemikiran dan pola permainan mereka.¹
2. Perwatakan dan penampilan golongan autisme adalah sama seperti individu tipikal namun golongan autisme ini sering mengundang salah faham masyarakat. Hal ini kerana, apabila berdepan di khalayak ramai, golongan seperti ini akan melakukan perkara yang tidak sepatutnya seperti kebiasaan individu normal.
3. Justeru, suatu kajian perlu dilaksanakan untuk mengeluarkan satu panduan hukum bagi membantu masyarakat dalam memahami tingkah laku golongan autisme.

OBJEKTIF

Panduan ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti pengkategorian, pengkelasan, pentaklifan golongan autisme berdasarkan perspektif fuqaha dan perubatan.
2. Berperanan sebagai rujukan dan panduan hukum berkaitan ibadah bagi golongan autisme.

¹ Mas Ian Rifati dan Virgin Suciyanti Maghfiroh, (2019), *Psikoedukasi Autisme (Autism Spectrum Disorder)*, Tesis Sarjana, Universiti Airlangga, h. 9.

TAKRIF

Bagi maksud panduan ini:

1. **“Autisme”** bermaksud sejenis kecelaruan fungsi urat saraf otak (neurological disorder) sepanjang hayat yang mendatangkan kesan yang teruk terhadap perkembangan otak.
2. **“Had”** bermaksud batas, perenggan atau bermaksud hingga (sampai) ke, setakat.
3. **“Ibadah”** bermaksud bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan (seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia dan lain-lain).
4. **“Mukalaf”** bermaksud orang yang telah cukup umur yang wajib melaksanakan perintah Allah.
5. **“Taklif”** bermaksud penyerahan beban (tugas, pekerjaan) yang berat kepada seseorang.

KEBERTANGGUNGJAWABAN GOLONGAN AUTISME

Kategori Autisme	Tahap Satu (ringan dan memerlukan sokongan) (Mukalaf)	Tahap Dua (sederhana dan memerlukan sokongan besar). (<i>Ma'tuh Mumaiyiz</i>)	Tahap Tiga (teruk dan memerlukan sokongan yang sangat besar). (<i>Ma'tuh Ghair Mumaiyiz</i>)
Kategori Ibadah			
Solat	Wajib dan Sah.	Tidak Wajib dan Sah.	Tidak Wajib dan Tidak Sah.
Puasa	Wajib dan Sah.	Tidak Wajib dan Sah.	Tidak Wajib dan Tidak Sah.
Zakat	Wajib dan Sah.	Wajib dan Sah pelaksanaannya oleh wali.	Wajib dan Sah pelaksanaannya oleh wali.
Haji	Wajib dan Sah.	Tidak Wajib dan Sah dengan dibimbing oleh wali.	Tidak Wajib dan Sah pelaksanaannya oleh wali.
Aurat	Wajib.	Wajib ke atas wali menutup auratnya apabila mencapai umur baligh.	Wajib ke atas wali menutup auratnya apabila mencapai umur baligh.
Muamalat	Sah.	Tidak Sah.	Tidak Sah.
Akad Nikah	Sah dan boleh dilakukan oleh dirinya sendiri.	Sah dan dilakukan oleh wali.	Sah dan dilakukan oleh wali.
Nafkah Isteri	Wajib ditanggung oleh dirinya sendiri.	Wajib ditanggung oleh wali.	Wajib ditanggung oleh wali.

AUTISME

3. Golongan autisme yang memiliki tahap kecerdasan akal yang sangat lemah. Golongan ini tidak memiliki kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tidak memiliki kemampuan tamyiz (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk). Selain itu, terdapat juga pada golongan ini sikap mencederakan diri sendiri atau orang lain dan memaki hamun. Dari sudut fiqh, golongan ini termasuk dalam kumpulan *ma'tuh ghair* mumaiyiz. Dari sudut perubatan pula, golongan ini berada pada **tahap tiga** (teruk dan memerlukan sokongan yang sangat besar). Golongan ini diqiaskan dengan orang gila kerana kedua-duanya tidak mempunyai kemampuan untuk memahami nas dan tidak mampu melaksanakan isi kandungan nas. Ketidakmampuan ini berlaku apabila orang lain memberitahu kepada mereka. **Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum syarak yang dikenakan ke atas orang gila dan sekaligus tidak dikira sebagai mukalaf. Maka, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan.**

Namun begitu, golongan autisme tahap satu yang mempunyai akal yang sempurna, tidak semestinya berada pada tahap satu setiap masa. Mereka kadang kala boleh bertindak seperti golongan yang berada pada tahap dua dan tiga. Dalam keadaan ini, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan. Mereka hanya dikira sebagai mukalaf dan dikenakan pentaklifan apabila mereka kembali kepada tahap satu.

Definisi

1. Istilah autisme berasal daripada perkataan Autismus dalam bahasa Jerman, dicetuskan pada tahun 1912 oleh seorang pakar psikiatri, Paul Bleuler daripada perkataan Greek iaitu autos (sendiri) dan + ismos (pengakhiran bagi tindakan atau kondisi).² Istilah autisme pertama kali digunakan oleh pakar psikiatri Switzerland bernama Eugene Bleuler pada tahun 1908-1911, yang menggunakan istilah itu untuk menggambarkan kumpulan gejala unik yang secara tradisinya dianggap sebagai gejala skizofrenia.
2. Menurut Morris dan Schacht, autisme berasal daripada perkataan Yunani “autos” yang bermaksud bersendirian dan merupakan istilah yang menerangkan keadaan dimana seseorang yang menarik diri daripada interaksi sosial dengan persekitarannya sehingga mereka seolah-olah hidup dalam dunia sendiri. Dalam erti kata lain, individu terbabit menjadi “diri terpencil” atau “melarikan diri dari realiti”.³
3. Secara umumnya, autisme didefinisikan sebagai sejenis kecelaruan fungsi urat saraf otak (neurological disorder) sepanjang hayat yang mendatangkan kesan yang teruk terhadap perkembangan otak. Ia dicirikan oleh perbezaan dalam tingkah laku, interaksi sosial, komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.⁴ Perbezaan ini boleh memberi cabaran kepada individu yang mempunyai autisme dalam cara mereka berinteraksi dengan persekitaran mereka.

Faktor Penyebab

Autisme ialah keadaan yang kompleks dan mungkin timbul daripada interaksi pelbagai faktor. Berikut adalah beberapa faktor risiko utama yang berkaitan dengan autisme:⁵

-
- 2 Brittany A Morris dan Erica Schacht, (2019), “Autism Spectrum Disorder,” *Journal of Student Research* 8, no. 2, h. 52.
 - 3 Morris dan Schacht, “Autism Spectrum Disorder”, h. 54.
 - 4 Wafaa Abdulmutalib Naji, Mohammed Qasim Waheeb dan Duaa Hamad Hamza, (2020), “Autism Spectrum Disorder: Review Article”, *Medico-legal Update* 20, no. 2, h. 322.
 - 5 Nada S Ashmawi dan Manal A Hammada, (2022), “Early Prediction and Evaluation of Risk of Autism Spectrum Disorders,” *Cureus* 14, no. 3, h. 4; Leonardo Emberti Gialloreti et al., (2019), “Risk and Protective Environmental Factors Associated with Autism Spectrum Disorder: Evidence-Based Principles and Recommendations,” *Journal Clinical Medicine* 8, no. 2, h. 217.

1. Umur Ibu Bapa: Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kedua-dua usia ibu dan bapa yang semakin meningkat boleh meningkatkan risiko autisme. Ibu bapa yang lebih tua lebih berkemungkinan mempunyai anak dengan mutasi genetik tertentu, yang boleh menyumbang kepada perkembangan autisme.
2. Faktor Prenatal dan Perinatal: Faktor prenatal ini termasuklah faktor kesihatan fizikal ibu seperti sindrom metabolik, keadaan fizikal ibu, jangkitan kuman semasa mengandung, pendedahan ibu kepada ubat-ubatan tertentu atau toksin persekitaran, komplikasi semasa kelahiran, dan sebagainya. Manakala faktor perinatal dikaitkan dengan masalah kelahiran pramatang (< 33 minggu).
3. Genetik: Kajian telah menunjukkan bahawa autisme cenderung berlaku dalam keluarga, dan individu yang mempunyai sejarah keluarga autisme mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami gangguan tersebut. Kajian berkaitan autisme juga telah mengenal pasti pelbagai mutasi genetik dan variasi yang dikaitkan dengan peningkatan risiko autisme.
4. Status Pengambilan Vitamin: Kadar autisme yang lebih tinggi didapati pada kanak-kanak yang tidak terdedah kepada asid folik (FA), vitamin B12 dan vitamin B6 berbanding bayi-bayi ibu yang mengambilnya.
5. Epigenetik: Faktor epigenetik, yang melibatkan perubahan dalam ekspresi gen tanpa perubahan dalam urutan DNA asas, juga boleh menyumbang kepada risiko autisme. Faktor persekitaran boleh mempengaruhi pengubahsuaian epigenetik, yang berpotensi menjejaskan ekspresi gen yang berkaitan dengan perkembangan dan fungsi otak.
6. Disregulasi Sistem Imun: Ini disebabkan oleh kemungkinan pengaruh radang atau reaksi imun berlebihan terhadap janin semasa perkembangan awal otak. Tindak balas imun dan keradangan di otak berpotensi menjejaskan perkembangan dan fungsi otak.
7. Perkembangan Otak: Keabnormalan dalam perkembangan awal otak telah diperhatikan pada individu yang mempunyai autisme. Gangguan dalam pembentukan dan organisasi sambungan saraf dan litar semasa tempoh kritikal pembangunan awal kanak-kanak boleh menyumbang kepada gejala ciri autisme.

Setelah diteliti keadaan golongan autisme, dapat disimpulkan bahawa mereka boleh dikategorikan kepada tiga kategori seperti berikut:

1. Golongan autisme yang memiliki kecerdasan akal yang sempurna, malah tahap kecerdasan akalnya sama seperti orang yang normal. Golongan ini memiliki tahap kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tahap kemampuan tamyiz (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk) yang baik. Namun begitu, golongan ini memiliki beberapa sifat yang berlainan dengan orang yang normal seperti suka menyendiri, sukar berkomunikasi, bersosial dan sebagainya. Dari sudut fiqh, golongan ini termasuk dalam kumpulan orang yang berakal. Dari sudut perubatan pula, golongan ini berada pada **tahap satu** (ringan dan memerlukan sokongan).

Golongan ini diqiaskan dengan **mukalaf** yang baligh dan berakal kerana kedua-duanya mempunyai kemampuan untuk memahami nas dan melaksanakan isi kandungan nas dengan sempurna. Kemampuan ini diperolehi sama ada melalui pemberitahuan orang lain kepadanya atau ilmu yang dituntut. **Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum syarak yang dikenakan ke atas mukalaf dan tidak terangkat segala bentuk pentaklifan daripada mereka.**

2. Golongan autisme yang memiliki tahap kecerdasan akal yang lemah. Golongan ini memiliki tahap kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tahap kemampuan tamyiz (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk) yang lemah. Dari sudut fiqh, golongan ini termasuk dalam kumpulan **ma'tuh mumaiyiz**. Dari sudut perubatan pula, golongan ini berada pada **tahap dua** (sederhana dan memerlukan sokongan besar).

Golongan ini diqiyaskan dengan kanak-kanak mumaiyiz kerana kedua-duanya tidak mempunyai kemampuan yang sempurna untuk memahami nas dan melaksanakan isi kandungan nas. Ketidaksempurnaan ini berlaku sama ada melalui pemberitahuan orang lain kepada mereka atau ketika mereka menuntut ilmu. **Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum syarak yang dikenakan ke atas kanak-kanak mumaiyiz dan sekaligus tidak dikira sebagai mukalaf. Maka, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan.**

PENKATEGORIAN DAN PENTAKLIFAN

Pentaklifan seseorang bergantung kepada tahap kecerdasan akalnya. Seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan akal yang sempurna akan menjadi mukalaf yang sempurna kelayakannya. Semakin kurang tahap kecerdasan akal seseorang, maka semakin kurang kelayakannya menjadi mukalaf.

Berhubung tahap kecerdasan akal manusia, al-Sarkhasi di dalam kitabnya *Usul al-Sarkhasi* menyebut: “Sesungguhnya orang yang berakal terdiri daripada dua jenis.

(Pertama) Seseorang yang memiliki sebahagian akal di mana dia dapat membezakan antara perkara yang memudaratkannya dan yang mememanfaatkannya. Akan tetapi akal itu kurang seperti kanak-kanak sebelum baligh dan *ma'tuh* yang mempunyai akal.

(Kedua) Dan orang yang berakal yang sempurna akal. Dia adalah orang baligh yang tidak ada padanya penyakit. Sekiranya ada penyakit, ia menunjukkan kepada ketiadaan akal sebelum baligh, seperti orang gila. Selain itu, ia menunjukkan kurangnya akal seperti *ma'tuh*.”³⁹

Tahap kecerdasan akal manusia dikategorikan oleh fuqaha kepada empat bahagian iaitu:

1. Orang yang berakal: Golongan yang memiliki akal yang sempurna dan mampu berfikir.
2. Orang gila: Golongan yang hilang akal dan tidak mampu memahami sesuatu perkara dan tidak boleh membezakan antara perkara baik dan buruk.
3. *Ma'tuh ghair* mumaiyiz: Golongan yang masih memiliki akal tetapi pada tahap yang sangat lemah. Mereka tidak memiliki kefahaman dan tidak boleh membezakan antara perkara yang baik dan buruk.
4. *Ma'tuh* mumaiyiz: Golongan yang masih memiliki akal tetapi pada tahap yang rendah. Mereka memiliki kefahaman dan boleh membezakan antara perkara yang baik dan buruk tetapi tidak sampai tahap kefahaman orang yang berakal.

³⁹ Lihat: *Usul al-Sarkhasi*, j. 1, h. 348.

8. Faktor Persekitaran: Walaupun faktor persekitaran yang tepat yang menyumbang kepada autisme tidak dapat dikenal pasti sepenuhnya, banyak penyelidik yang mengkaji pelbagai faktor yang berpotensi, seperti pendedahan prenatal kepada pencemaran udara, bahan kimia tertentu dan tekanan ibu. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini masih dikaji, dan kesan tepatnya terhadap risiko autisme masih belum jelas.

Jenis-jenis

Kepelbagaian dalam autisme menyebabkan kecelaruan ini sukar difahami, kerana setiap kanak-kanak yang mengalami autisme adalah berbeza.

1. Gangguan Autistik (*Autistic Disorder*)

Individu yang menghidap gangguan autistik/autisme akan mempunyai perkembangan interaksi sosial dan komunikasi lisan dan bukan lisan yang terhad, mempamerkan tingkah laku yang berulang dan minat yang terhad. Tanda dan gejala adalah seperti berikut:

- i. Cabaran dengan interaksi sosial.
- ii. Masalah komunikasi.
- iii. Tingkah laku yang berulang.
- iv. Meragam atau "*meltdowns*"
- v. Gangguan tidur dan makan.

2. Sindrom Asperger (*Asperger Syndrome*)

Individu yang menghidap sindrom asperger biasanya mempunyai tahap kecerdasan otak yang normal. Namun mereka mempunyai masalah untuk berinteraksi sosial. Mereka selalu fokus meneliti pada sesuatu perkara secara terperinci dan gigih dalam membuat sesuatu aktiviti. Mereka juga mudah mengalami masalah kegelisahan dan kemurungan. Tanda dan gejala adalah seperti berikut:

- i. Mengalami gangguan dalam interaksi sosial.
- ii. Masalah membaca ekspresi muka, bahasa badan dan isyarat sosial.
- iii. Tidak memahami ironi, metafora, atau jenaka.
- iv. Menunjukkan bahasa badan yang janggal, berdiri terlalu dekat, atau bercakap terlalu kuat.
- v. Kurang hubungan mata.
- vi. Mengulangi tingkah laku dan aktiviti yang sama.

3. **Gangguan Disintegratif Kanak-Kanak (*Childhood Disintegrative Disorder*)**
Individu yang menghidap gangguan disintegratif kanak-kanak (CDD), juga dikenali sebagai sindrom heller dan psikosis disintegratif, akan menyebabkan kanak-kanak yang telah pandai dalam pertuturan, interaksi sosial dan pergerakan sehingga mencapai umur lima tahun ke atas secara perlahan-lahan mula kehilangan kepandaian tersebut. Tanda dan gejala adalah seperti berikut:

- i. Prestasi tingkah laku sosial yang menurun.
- ii. Pembangunan kemahiran yang tidak sekata.
- iii. Pertuturan dan bahasa yang lemah.
- iv. Kesukaran menerima perubahan.
- v. tidak balas luar biasa terhadap rasa, penglihatan, bunyi, bau, atau sentuhan.
- vi. Tingkah laku atau kebiasaan yang berulang.
- vii. Minat yang sangat terhad dan tertumpu.

4. **Gangguan Perkembangan Pervasif-Tidak Dinyatakan Sebaliknya (*Pervasive Developmental Disorder – Not Otherwise Specified*)**
Individu yang menghidap gangguan perkembangan pervasif (PDD-NOS) menyerupai gangguan autisme klasik namun individu ini tidak menonjolkan sifat autisme secara keseluruhannya dari segi:

- i. Bahasa dan komunikasi.
- ii. Kemahiran sosial, bermain, dan kemahiran penjagaan diri.
- iii. Kemahiran motor, dan kawalan pembuangan air kecil dan besar.

5. **Sindrom Rett (*Rett Syndrome*)**
Individu yang menghidap gangguan sindrom rett akan menyebabkan kehilangan progresif kemahiran motor dan bahasa. Kebanyakan bayi sindrom rett membesar dengan normal sehingga enam bulan di awal usianya. Kemudian mereka kehilangan kemahiran yang dimiliki sebelum ini seperti keupayaan untuk merangkak, berjalan, berkomunikasi atau menggunakan tangan mereka. Sindrom rett terutamanya memberi kesan kepada wanita. Tanda dan gejala dapat dilihat pada:

2. *Al-ma'tuh* yang memiliki kefahaman dan boleh membezakan antara perkara yang baik dan buruk tetapi tidak sampai tahap kefahaman orang yang sempurna akal nya. Golongan ini menyerupai kanak-kanak mumaiyiz walaupun sudah baligh. Oleh itu, dipraktikkan ke atas mereka hukum syarak yang sama seperti kanak-kanak mumaiyiz.³⁵ Golongan ini dinamakan *al-Ma'tuh* Mumaiyiz.³⁶

Perbezaan di Antara *Al-Ma'tuh* dan Orang Gila

Ibn Nujaim menjelaskan perbezaan tersebut seperti berikut:

أَنَّ الْمَعْتُوَّةَ هُوَ الْقَلِيلُ الْفَهْمُ الْمُخْتَلِطُ الْكَلَامِ الْفَاسِدُ التَّدْبِيرِ لَكِنَّ لَا يَضْرِبُ
وَلَا يَشْتُمُ بِخِلَافِ الْمَجْنُونِ.

Maksudnya:

“*Al-Ma'tuh* ialah seseorang yang sedikit kefahamannya, bercampur-baur percakapannya, rosak urusannya. Akan tetapi, dia tidak memukul dan tidak memaki hamun, berlainan dengan orang gila.”³⁷

Kesimpulannya, perbezaan antara *al-Ma'tuh* dan orang gila dapat dilihat seperti berikut:³⁸

1. *Al-ma'tuh* ialah seseorang yang masih mempunyai kewarasan akal walaupun ia lemah dan ada kekurangan. Manakala orang gila pula ialah seseorang yang tidak memiliki kewarasan akal.
2. *Al-ma'tuh* kadang-kadang mumaiyiz dan kadang-kadang bukan mumaiyiz. Manakala orang gila bukan mumaiyiz sehingga dia kembali sembuh.
3. *Al-ma'tuh* tidak bertindak ganas seperti memukul, mencederakan dan memaki hamun. Manakala orang gila pula boleh bertindak sedemikian.

³⁵ Zaidan, Abdul Karim, (1987), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 104.

³⁶ Al-Namlah, Abdul Karim bin Ali bin Muhammad, (1999), *Al-Muhazzab fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*, Al-Riyadh: Maktabah al-Rushd, j. 1, h. 335.

³⁷ Ibn Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim, (t.th.), *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqiq*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 3, h. 268.

³⁸ Al-Namlah, Abdul Karim bin Ali bin Muhammad, (1999), *Al-Muhazzab fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*, Al-Riyadh: Maktabah al-Rushd, j. 1, h. 335.

Di samping itu, al-Bujairimi mendefinisikan *al-Ma'tuh* sebagai: "Seorang individu yang kurang akal disebabkan adanya kerencatan akal dan bukannya disebabkan tiada pengetahuan (tentang yang mana baik dan yang mana yang buruk)." ³¹

Dalam pada itu, *al-Ma'tuh* juga disebut oleh Rasulullah ﷺ dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib ؓ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَشِبَّ، وَعَنِ الْمَعْتُوهِ حَتَّى يَعْقِلَ

Maksudnya:

"Diangkat pena (dimaafkan) daripada tiga golongan: Orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia remaja (baligh) dan daripada orang yang cacat mental sehingga dia berakal." ³²

(Riwayat al-Tirmizi)

Kategori *al-Ma'tuh*

Para ulama membahagikan *al-Ma'tuh* kepada dua kategori iaitu: ³³

1. *Al-ma'tuh* yang tidak memiliki kefahaman dan tidak boleh membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Golongan ini menyerupai orang gila maka dipraktikkan ke atas mereka hukum syarak yang sama seperti kanak-kanak yang bukan mumaiyiz. Golongan ini dinamakan sebagai *Ma'tuh ghair* mumaiyiz. Berhubung kategori ini, al-Sam'ani menyebut: "*Al-'atah* ialah sejenis penyakit gila, kecuali (yang membezakannya dengan gila) ialah *al-Ma'tuh* memiliki sedikit akal." ³⁴

31 Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin Umar, (1996), *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 308.


32 No. hadis 1423. Lihat Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa, (1998), *Sunan al-Tirmizi*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, j. 3, h. 93.

33 Zaidan, Abdul Karim, (1987), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 104.

34 Al-Sam'ani, Abu al-Muzaffar Mansur bin Muhammad bin Abdul Jabbar, (1999), *Qawati' al-Adillah fi al-Usul*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 389.

- i. Bahasa dan komunikasi.
- ii. Pembelajaran.
- iii. Penyelarasan.
- iv. Pertumbuhan perlahan atau saiz kepala kecil.
- v. Meludah dan berliur.
- vi. Pergerakan mata yang tidak biasa, merenung, atau berkelip.
- vii. Anggota badan yang sejuk.
- viii. Gangguan tidur.
- ix. Mudah marah.
- x. Keabnormalan pernafasan.
- xi. Sawan.
- xii. Kelengkungan tulang belakang

Kecelaruan-kecelaruan lain dalam autisme



Ciri-ciri

1. Komunikasi

Individu yang mempunyai autisme selalunya mengalami masalah gangguan dalam komunikasi. Komunikasi tersebut terjejas dicirikan oleh:

- i. Perkembangan bahasa yang lewat. Malah dalam beberapa kes hampir tiada perkembangan bahasa.
- ii. Kesukaran untuk memulakan dan mengekalkan perbualan.
- iii. Salah dalam memilih perkataan atau pilihan perkataan yang digunakan tidak menepati maksud.
- iv. Penggunaan bahasa yang stereotaip dan berulang seperti mengulangi frasa dari televisyen atau lagu.
- v. Suka menarik tangan orang lain untuk melakukan apa yang dia mahu atau yang diminta.
- vi. Bahasa lisan lemah.
- vii. Sukar melibatkan diri dalam permainan imaginatif.
- viii. Tidak banyak menunjukkan mimik muka.
- ix. Mendengar tetapi tidak memberikan sebarang tindak balas yang sesuai apabila dipanggil

2. Tingkah Laku

Individu yang mempunyai autisme mungkin menunjukkan tingkah laku yang tidak normal. Tingkah laku yang tidak normal ini berkemungkinan berkaitan dengan percubaan mereka untuk menyampaikan perasaan mereka atau untuk menghadapi sesuatu situasi. Masalah tingkah laku mungkin berlaku disebabkan kepekaan mereka terhadap bunyi, bau, atau sesuatu yang mereka mungkin pernah lihat atau rasa. Tingkah laku tidak normal dicirikan oleh:

- i. Berlebihan (hiperaktif) atau berkurangan (hipoaktif).
- ii. Pergerakan badan yang stereotaip dan berulang seperti berputar, bergoyang-goyang dan melambai-lambaikan tangan seolah-olah seperti burung yang sedang terbang.
- iii. Berpendirian teguh untuk berpegang pada rutin seperti menempuh laluan pulang yang sama setiap hari dan melakukan perkara dalam susunan yang sama setiap kali (tidak suka perubahan).
- iv. Minat deria yang luar biasa seperti menghidu objek atau merenung objek bergerak dengan teliti.
- v. Sensitiviti deria termasuk mengelakkan bunyi dan tekstur harian seperti pembersih vakum, pengering rambut dan pasir.
- vi. Reaksi emosi yang mungkin kelihatan tidak wajar dalam situasi tertentu.
- vii. Kesukaran dalam membaca ekspresi emosi orang lain.
- viii. Reaksi emosi yang mungkin kelihatan tidak wajar dalam situasi tertentu.

3. Interaksi Sosial

Individu yang mempunyai autisme menghadapi kesukaran untuk menjalin dan mengekalkan hubungan.

Kesukaran mereka dengan interaksi sosial mungkin nyata dalam cara berikut:

- i. Penggunaan dan pemahaman komunikasi bukan lisan yang terhad seperti pandangan mata, ekspresi muka dan gerak isyarat (tidak pandai menunjukkan ekspresi muka).
- ii. Kesukaran membentuk dan mengekalkan persahabatan, iaitu tidak berminat bermain dengan rakan atau enggan diajak bermain (gagal dalam mewujudkan hubungan rakan sebaya).
- iii. Tiada kemahuan spontan untuk berkongsi keseronokan, kebahagiaan, minat dan aktiviti dengan orang lain.
- iv. Kesukaran dengan tindak balas sosial dan emosi.
- v. Lebih suka menyendiri.

Contohnya, dia dapat membezakan antara jual dan beli serta mengetahui nilai yang baik dan buruk. Oleh itu, tamyiz dengan makna tersebut tidak mempunyai umur yang tertentu. Malah, kadangkala seseorang mencapai tamyiz pada usia awal dan kadangkala lambat mengikut tahap kecerdikannya dan diketahui tamyiz itu dengan pengalaman dan ujian.

Di samping itu, syarak pula memerlukan satu had umur yang menentukan tamyiz tercapai. Oleh itu, para fuqaha menganggap genapnya tujuh tahun bagi seseorang kanak-kanak sebagai kayu ukur tercapainya tamyiz. Mereka berhujah dengan hadis Rasulullah ﷺ yang memerintahkan ibu bapa agar menyuruh anak-anak mereka menunaikan solat apabila mencapai usia tujuh tahun. Hadis ini menjadi prinsip syarak dalam menentukan tamyiz dan ia juga menunjukkan bahawa seseorang itu telah memiliki *ahliyyah al-Ada'* apabila mencapai umur tujuh tahun dan solat yang dilakukan dihukum sebagai sah.²⁷

Al-'Atah

Al-'atah merupakan salah satu sifat yang menjadikan seorang individu hilang kelayakan untuk menjadi mukalaf. Orang yang memiliki sifat *al-'Atah* ini disebut sebagai *al-Ma'tuh*. Berikut dihuraikan definisi *al-'Atah* dan *al-Ma'tuh* dari sudut bahasa dan istilah.

Dari sudut bahasa:

Al-Fayyumi mendefinisikan *al-'Atah* sebagai:

“Kurang akal nya, bukannya gila atau hilang (tiada) akal.”²⁸

Di samping itu, Ibn Manzur mendefinisikan *al-Ma'tuh* sebagai:

“Orang yang kehilangan akal tetapi tidak gila.”²⁹

Dari sudut istilah:

'Alauddin al-Bukhari mendefinisikan *al-'Atah* sebagai:

“Suatu penyakit yang menyebabkan kecelaruan akal. Justeru, percakapannya menjadi bercampur baur. Maka, sebahagian percakapannya menyerupai percakapan orang yang berakal dan sebahagiannya lagi menyerupai percakapan orang gila. Dan begitu jugalah semua perbuatannya.”³⁰

²⁷ Al-Khin, Mustafa Sa'id, (2000), *Al-Kafi al-Wafi fi Usul al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 71-72.

²⁸ Al-Fayyumi, Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Ali, (t.th.), *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 6, h. 34.

²⁹ Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram al-Afriqi, (t.th.), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, j. 13, h. 512.

³⁰ 'Alauddin al-Bukhari, Abdul Aziz bin Ahmad bin Muhammad, (1997), *Kasyf al-Asrar 'an Usul Fakhri al-Islam al-Bazdawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 274.

KAEDAH PENENTUAN TAMYIZ

Para fuqaha telah berselisih pendapat tentang kaedah penentuan tamyiz. Terdapat dua pendapat dalam hal ini iaitu:

Pendapat pertama

Menurut pandangan mazhab Syafie, tamyiz ditentukan dengan sejumlah sifat yang mana jika terdapat pada seseorang kanak-kanak, maka kanak-kanak tersebut dihukum sebagai mumaiyiz tanpa perlu melihat kepada umurnya. Dalam hal ini, Imam al-Nawawi menyebut:

“Pandangan yang betul mengenai kanak-kanak mumaiyiz ialah yang memahami arahan yang ditujukan kepadanya, kebolehan menjawab (apabila disoal), memahami tujuan percakapan dan seumpamanya. Dan tidak ditetapkan umur yang khusus, bahkan ia berbeza mengikut perbezaan tahap pemahaman.”²⁴

Pendapat Kedua

Sesetengah fuqaha berpendapat bahawa tamyiz ditentukan oleh umur. Majoriti mereka berpendapat ia berlaku dalam usia tujuh tahun, ada yang berpendapat enam tahun dan ada yang berpendapat sepuluh tahun.²⁵ Ia berdasarkan hadis Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

مُرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ

Maksudnya:

“Suruhlah kanak-kanak menunaikan solat ketika dia berusia tujuh tahun.”²⁶
(Riwayat Abi Daud)

Dalam hal ini, Mustafa al-Khin telah memberi ulasan yang sangat menarik. Menurut beliau, tamyiz berlaku apabila seseorang individu memiliki kesedaran dan pengetahuan yang mana dengannya dia dapat memahami khitab daripada syarak secara keseluruhan. Dengan itu, dia mengetahui hukum hakam ibadat dan muamalat.

²⁴ Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhiyuddin bin Syaraf, (t.th.), *I-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 7, h. 28.

²⁵ Al-Mardawi, Abu al-Hasan Ali bin Sulaiman, (1955), *Al-Insaffi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.1, h. 395.

²⁶ No. hadis 494. Lihat Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Azdi al-Sajastani, (2009), *Sunan Abi Daud*, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, j. 1, h. 366.

- vi. Tidak memahami konsep berkongsi.
- vii. Kegelisahan yang berlebihan sekiranya berada dalam situasi yang baru atau tidak biasa.

4. Darjah Kecerdasan (IQ)

Darjah Kecerdasan (IQ) individu dengan autisme boleh berbeza-beza secara meluas, sama seperti populasi umum. Autisme ialah spektrum yang pelbagai, dan penghidap autisme mungkin mempunyai pelbagai kebolehan kognitif.

Tiga kategori utama kebolehan kognitif:

- i. Kurang Keupayaan Intelek (dahulunya dikenali sebagai terencat akal): Sesetengah individu yang mempunyai autisme mungkin mempunyai kecacatan intelek, bermakna mereka mempunyai fungsi intelek di bawah purata. Ini boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk belajar, menyelesaikan masalah, dan menyesuaikan diri dengan kehidupan seharian. Tahap ketidakupayaan intelek boleh berbeza-beza, dari ringan hingga teruk.
- ii. Purata IQ: Ramai individu dengan autisme mempunyai skor IQ dalam julat purata, serupa dengan populasi umum. Mereka mungkin cemerlang dalam bidang tertentu atau mempunyai bakat dan minat tertentu.
- iii. IQ Di Atas Purata: Sesetengah individu yang menghidap autisme mempunyai kebolehan intelek melebihi purata dan mungkin dianggap berbakat intelek dalam bidang tertentu, seperti matematik, muzik, seni atau bidang minat tertentu.

5. Sensori

Individu yang mempunyai autisme mungkin mengalami kepekaan yang meningkat atau berkurangan terhadap rangsangan deria seperti cahaya, bunyi, bau, sentuhan atau rasa. Kepekaan deria ialah ciri umum autisme yang boleh memberi kesan yang ketara kepada cara individu autisme melihat dan bertindak balas terhadap rangsangan deria daripada persekitaran mereka.

Sensitiviti deria sering nyata dalam dua cara:

Hipersensitiviti: Ini berlaku apabila individu terlalu sensitif terhadap rangsangan deria tertentu. Sebagai contoh:

- i. Bunyi yang kuat mungkin menggembirakan atau menyusahkan.
- ii. Lampu terang mungkin terlalu terang dan menyebabkan ketidakselesaan atau kebimbangan.
- iii. Tekstur atau fabrik tertentu mungkin tidak boleh disentuh.
- iv. Bau yang kuat mungkin menggembirakan atau tidak menyenangkan.

Hiposensitiviti: Ini berlaku apabila individu telah mengurangkan kepekaan terhadap rangsangan deria tertentu. Sebagai contoh:

- i. Mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan aktiviti pergerakan seperti berputar, melompat atau goyang.
- ii. Mempunyai toleransi kesakitan yang tinggi dan tidak bertindak balas terhadap kesakitan seperti yang diharapkan.
- iii. Tidak terganggu oleh suhu yang melampau, sama ada panas atau sejuk.

- ii. *Ahliyyah al-Ada' al-Naqisah* (kurang)
Bermaksud seseorang yang berkemampuan untuk melaksanakan sebahagian urusan, manakala sebahagian yang lain dia tidak mampu melaksanakannya. Justeru, urusan yang dilakukannya perlu mendapat nasihat dan panduan orang lain seperti wali atau penjaganya. Golongan ini terdiri daripada kanak-kanak mumaiyyah hingga baligh dan orang yang lemah akal. Justeru, mereka masih tertakluk kepada *ahliyyah al-Ada'*.²⁰

- iii. *Ahliyyah al-Ada' al-Kamilah*
Bermaksud seseorang yang mempunyai keahlian untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Golongan ini terdiri daripada mereka yang baligh dan sempurna akal. Justeru, golongan ini dikira sebagai mukalaf dan segala perbuatan tertakluk kepada hukum syarak. Oleh itu, segala tanggungjawab wajib dilaksanakan dan menanggung dosa jika tidak melaksanakannya.²¹

'Awaridh al-Ahliyyah (Halangan Kelayakan)

'Awaridh al-Ahliyyah didefinisikan oleh Mustafa al-Khin sebagai:

“Halangan yang bersifat sementara yang menyebabkan hilang kelayakan seseorang, atau mengurangkannya atau mengubah sesetengah hukum berkaitan dengannya.”²²

Fuqaha telah membahagikan 'awaridh kepada dua bahagian iaitu 'awaridh samawiyyah dan 'awaridh muktasabah.²³

1. **'Awaridh Samawiyyah**
Ia merupakan halangan kelayakan yang luar daripada usaha dan kehendak manusia. Halangan tersebut ialah *al-sighar* (kanak-kanak kecil), gila, 'atah (terencat akal), lupa, tidur, pengsan, hamba, sakit, haid, nifas dan mati.
2. **'Awaridh Muktasabah**
Ia merupakan halangan kelayakan yang berpunca daripada usaha dan kehendak manusia. Halangan tersebut adalah jahil, mabuk, gurauan, *safah* (kelemahan berfikir), tersilap dan terpaksa.

²⁰ Ibid.

²¹ Al-Zuhaili, Wahbah, (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, h. 168

²² Al-Khin, Mustafa Sa'id, (2000), *Al-Kafi al-Wafi fi Usul al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 75

²³ Ibn Amir Haj, Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad, (1983), *Al-Taqrir wa al-Tahbir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 172.

HAD MUKALAF

Definisi

Mukalaf dikenali dalam ilmu usul al-fiqh sebagai *mahkum 'alaih*. Khallaf mendefinisikan *mahkum 'alaih* seperti berikut:

هو المكلف الذي تعلق حكم الشارع بفعله.

Maksudnya:

“Dia merupakan seorang mukalaf yang perbuatannya tertakluk kepada hukum syari’ (Allah ﷻ).”⁶

Syarat Taklif

1. Berakal

Seorang mukalaf mestilah berakal untuk melayakkannya menerima perintah Allah ﷻ. Berhubung syarat ini, Imam al-Ghazali berkata: “Dan syaratnya (mukalaf) mestilah berakal dan memahami *khitab* (perintah dan larangan Allah ﷻ). Maka tidak sah *khitab* kepada benda yang tidak bernyawa dan binatang, bahkan *khitab* kepada orang gila dan kanak-kanak yang tidak mumaiyiz (tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk). Hal ini kerana taklif memerlukan ketaatan dan kepatuhan. Dan ia tidak boleh berlaku kecuali dengan niat untuk mematuhi. Dan syarat niat ialah mengetahui perkara yang diniatkan dan memahami taklif (bebanan). Maka, setiap *khitab* mengandungi perintah Allah ﷻ untuk memahami *khitab* tersebut.”⁷

2. Baligh

Seorang mukalaf mestilah baligh agar dia dapat melaksanakan perintah Allah ﷻ. Berkenaan syarat ini, Imam al-Baqilani berkata: “Ia (taklif) ialah perintah untuk melakukan atau meninggalkan suatu perkara. Ia mesti dilakukan pada perkara-perkara wajib yang umum seperti tauhid (mempercayai Allah ﷻ sebagai Tuhan yang Esa), *nubuwwat* (mempercayai para Rasul), solat-solat yang difardukan dan seumpamanya. Maka setiap orang yang berakal dan baligh diperintahkan untuk melakukan perkara tersebut dan dibebankan dengannya. Dia tidak terbebas daripada bebanan tersebut dengan sebab orang lain melakukan beban tersebut.”⁸

ii. *Ahliyyah al-Wujub al-Kamilah* (sempurna)
Bermaksud kelayakan untuk menerima hak dan memikul kewajipan. *Ahliyyah al-Wujub al-Kamilah* ini bermula dari saat seseorang manusia itu dilahirkan dalam keadaan hidup, kemudian berterusan hingga zaman bayi, kanak-kanak, baligh dan berakhir dengan kematiannya. Namun begitu, bagi bayi dan kanak-kanak, segala pengurusan diri dan harta mereka ditanggung oleh wali atau penjaga. Para wali atau penjaga boleh melaksanakan kewajipan tertentu sebagai wakil. Contohnya, mengeluarkan zakat.¹⁷

2. *Ahliyyah al-Ada'*

Bermaksud ucapan dan perbuatan seorang mukalaf layak untuk diambil kira pada hukum syarak. Contohnya, jika dia menunaikan solat, maka solatnya sah dan jika dia berpuasa maka puasanya sah dan jika dia melakukan jual beli maka akad jual belinya sah. Perbuatannya dikira sah dari sudut syarak dan gugur tanggungjawabnya. Asas untuk sabit *ahliyyah al-Ada'* ialah tamyiz (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk).¹⁸

Al-Ada' juga terbahagi kepada tiga bahagian dari sudut kelayakannya:

i. Tiada *Ahliyyah al-Ada'*

Bermaksud golongan yang luput keahlian untuk menanggung sebarang tanggungjawab dan tidak diambil kira tindakannya. Mereka yang termasuk dalam golongan ini ialah kanak-kanak bukan mumaiyiz dan orang gila. Justeru, segala ucapan dan perbuatan mereka tidak dinilai dan tidak ada hukum. Begitu juga, segala akad dan tindakannya batal. Seandainya golongan ini melakukan kerosakan yang melibatkan jiwa atau harta orang lain, tidak dikenakan hukuman kepada mereka. Namun, ganti rugi atau diat akan dikenakan ke atas penjaga atau wali mereka. Ini kerana mereka tidak dikira sebagai mukalaf dan tidak dikira sengaja melakukan kerosakan tersebut.¹⁹

17 Al-Zuhaili, Wahbah, (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, h. 166.

18 Al-Zuhaili, Wahbah, (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, h. 164.

19 Al-Zuhaili, Wahbah, (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, h. 166.

6 Khallaf, Abdul Wahab, (t.th.), *Ilm Usul al-Fiqh*, Kaherah: Maktabah al-Da'wah- Syabab al-Azhar, h. 134

7 Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, (1993), *Al-Mustasfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 67.

8 Al-Baqilani, Abu Bakr Muhammad bin al-Tayyib, (1998), *Al-Taqrif wa al-Irsyad*, Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 1, h. 239.

3. Memahami *khitab*

Seorang mukalaf mestilah memahami *khitab* (perintah dan larangan Allah ﷻ). Imam al-Syaukani menyebut tentang syarat ini seperti berikut: “Disyaratkan untuk sahnya taklif (bebanan) dengan *syar’iyyat* (perintah dan larangan Allah ﷻ) ialah kefahaman seorang mukalaf tentang perkara yang dibebankan ke atasnya.”⁹

4. Hidup

Seorang mukalaf yang menanggung beban untuk melaksanakan perintah Allah ﷻ mestilah seorang yang hidup. Syarat ini dinyatakan oleh Imam al-Zarkasyi seperti berikut: “Mukalaf iaitu *al-mahkum ‘alaih* dan dia mempunyai syarat, salah satunya hidup. Oleh itu, mayat tidak menanggung apa-apa bebanan perintah Allah ﷻ.”¹⁰

5. Dipaksa

Orang yang dipaksa tidak terhalang daripada menanggung beban untuk melaksanakan perintah Allah ﷻ. Hal ini telah dijelaskan oleh Imam al-Zarkasyi seperti berikut:

“Dan yang betul pada pandangan kami ialah orang yang dipaksa sah taklifnya (tidak hilang beban tanggungannya) kerana dia memahami *khitab*. Dan dia juga boleh memilih sama ada melakukan perkara yang dipaksa atau berundur diri. Maka, tidak ada mustahil pada taklifnya.”¹¹

Had Penentuan Taklif

Had penentuan taklif berdasarkan kepada dua aspek berikut:

1. *Al-Qudrah ‘Ala Fahmi al-Nas* (Kemampuan memahami nas)

Seseorang mukalaf mestilah mampu memahami nas al-Quran dan hadis yang mengandungi *khitab* (perintah dan larangan daripada Allah ﷻ) bagi melayakkan dirinya untuk menjadi seorang mukalaf.

2. *Al-Qudrah ‘Ala Tathbiq al-Nas* (Kemampuan melaksanakan kandungan nas)

Seseorang mukalaf setelah memahami nas dengan akalinya, seterusnya dia mestilah mampu melaksanakan dengan isi kandungan nas.

⁹ Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad, (1999), *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilm al-Usul*, Damsyik: Dar al-Kitab al-‘Arabi, j. 1, h. 36.

¹⁰ Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Bahadur bin Abdullah, (2000), *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 54.

¹¹ Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Bahadur bin Abdullah, (2000), *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 75.

Al-Ahliyyah

Para ulama membicarakan maksud *al-Ahliyyah* dari sudut bahasa dan istilah seperti berikut:

Dari Sudut Bahasa

Menurut bahasa, *al-Ahliyyah* berasal daripada kata *ahl* bermaksud kerabat atau keluarga.¹² Selain itu, *al-Ahliyyah* juga didefinisikan sebagai kelayakan.¹³

Dari Sudut Istilah

Menurut istilah, *al-Ahliyyah* ialah kelayakan seseorang untuk menerima segala hak dan tanggungjawab yang disyariatkan kepadanya.¹⁴

Dengan kata lain, *al-Ahliyyah* ialah kelayakan untuk menerima tanggungjawab hukum hakam syarak dan kemampuan untuk melakukan suatu perbuatan hukum.

Jenis-jenis *al-Ahliyyah*

Para ulama *ahl usul* membahagi *al-Ahliyyah* kepada dua jenis seperti berikut:

1. *Ahliyyah al-Wujub*

Bermaksud kelayakan seorang manusia untuk menerima hak dan kewajipan. Hakikatnya, *ahliyyah al-Wujub* merupakan tanggungjawab atau *zimmah*. Asas untuk adanya *ahliyyah al-Wujub* pada diri seseorang ialah sifat hidup iaitu semenjak janin, kemudian dilahirkan hinggalah mati dikira layak menerima *ahliyyah al-Wujub*.¹⁵

Ahliyyah al-Wujub pula dibahagi kepada dua iaitu:

i. *Ahliyyah al-Wujub al-Naqisah*

Bermaksud kelayakan seseorang untuk menerima hak sahaja, iaitu tanpa sebarang kewajipan ke atas dirinya. Namun begitu, dengan syarat dia dilahirkan dalam keadaan hidup. Contohnya, janin atau anak yang berada dalam perut ibunya berhak menerima hak-hak yang tidak memerlukan *qabul* seperti pusaka dan wasiat.¹⁶

¹³ Zaidan, Abdul Karim, (1987), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 92.

¹⁴ Ibn Amir Haj, Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad, (1983), *Al-Taqrir wa al-Tahbir*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 164.

¹⁵ Al-Zuhaili, Wahbah, (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, h. 163

¹⁶ Zaidan, Abdul Karim, (1987), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 94.